

BAB 7

PENUTUP

7.1 Premis Kajian

Kajian ini bertitik tolak daripada hakikat pentingnya peranan media massa, termasuk akhbar, dalam pembangunan masyarakat. Akhbar merupakan salah satu alat komunikasi penting yang menyalurkan maklumat untuk menjadikan masyarakat golongan yang bermaklumat, berpengetahuan, mementingkan pemikiran dan seterusnya dapat membuat pertimbangan yang betul dalam kehidupan sehari-harinya. Dalam hubungannya dengan peranan akhbar sebagai penyalur maklumat itulah pengkaji memilih aspek retorik penulisan kewartawanan untuk dianalisis, dengan berdasarkan salah satu akhbar perdana berbahasa kebangsaan di negara ini, iaitu *Berita Harian*.

Aspek retorik penulisan kewartawanan dipilih kerana aspek itu menyumbang kepada keberkesanan penyampaian maklumat kepada masyarakat, dengan penggunaan alat-alat retorik (*rhetorical devices*) tertentu, baik pada aras leksikal, sintaksis mahupun wacana. Diharapkan kajian ini dapat mengimbangi kajian analisis kandungan akhbar yang telah agak banyak dilakukan, iaitu kajian yang menumpukan perhatian kepada peristiwa atau isu tertentu, misalnya pilihanraya, isu politik, sosial dan sebagainya. Hujahnya ialah bahawa retorik sebagai 'sarung' (dengan meminjam istilah Enkvist, 1977 tentang pengertian gaya) atau wadah mesej sama pentingnya dengan maklumat itu sendiri. Kekaburan mesej seringkali bukan hanya disebabkan kekaburan mesej itu sendiri, tetapi turut disebabkan oleh kekaburan atau kerancuan wadahnya, iaitu gaya persembahannya, yang meliputi retorik dan bahasa secara umumnya.

Selain itu, pengkaji melihat besarnya sumbangan dunia kewartawanan dalam pengembangan bahasa kebangsaan sebagai salah satu asas pembinaan jati diri, citra, pemikiran dan tamadun negara. Kelahiran dan kemantapan satu laras bahasa yang berkaitan dengan tamadun moden, iaitu laras bahasa kewartawanan merupakan fenomena yang penting dalam pembentukan masyarakat yang bermaklumat dan sekali gus dalam pengayaan dan peningkatan bahasa kebangsaan. Kajian ini diharapkan dapat memaparkan evolusi perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa kewartawanan dan sekali gus evolusi retorik Melayu dari satu waktu ke satu waktu (untuk kajian ini diambil tempoh lima dekad untuk menunjukkan perkembangan bahasa Melayu dalam dunia kewartawanan berdasarkan sampel akhbar yang dipilih).

7.2 Kajian yang Telah Dilaksanakan

Bermula dengan premis itu, pengkaji telah menetapkan pemilihan satu akhbar perdana di negara ini untuk dijadikan sampel kajian, kerana akhbar yang mencapai taraf perdana diyakini dapat mewakili bidang kewartawanan, terutama dalam hal profesionalisme baik dalam aspek kandungan mahupun persembahannya. Akhbar *Berita Harian* yang mula terbit dalam bulan Julai 1957, iaitu tahun kemerdekaan negara dipilih sebagai sumber data kajian.

Sebelum analisis retorik dilakukan terhadap sumber data itu, kajian kepustakaan telah lebih dahulu dilakukan. Kajian itu meliputi dua bidang utama, iaitu kajian tentang pertumbuhan dan perkembangan kewartawanan itu sendiri, di peringkat makro, iaitu dunia dan di peringkat mikro, iaitu di negara ini. Demikian juga, disorot perkembangan akhbar yang dikaji dari zaman awal pertumbuhannya. Bidang kedua berkaitan dengan aspek teori dan prinsip yang berkaitan dengan retorik penulisan kewartawanan. Bidang ini meliputi

kupasan secara umum teori media massa, teori bahasa dan kemudian secara khusus menjurus kepada retorik dan prinsip-prinsip penulisan kewartawanan (lihat Bab 3).

Tahap kedua kajian ialah pengumpulan sampel daripada sumber data, iaitu berita utama halaman hadapan *Berita Harian* setiap tahun dari tahun 1957 hingga tahun 1999, dengan sampel bagi setiap bulan dalam satu-satu tahun. Sampel itu kemudian dianalisis para aras leksikal, iaitu dengan melihat aspek-aspek yang menonjol pada data. Fokus analisis pada aras leksikal atau kata berdasarkan data yang ditemukan menjurus pada ciri-ciri penulisan kewartawanan yang berkesan, iaitu kata konkrit lawan kata abstrak/tidak lazim/lewah, kata neutral lawan kata emotif, kata adjektif khusus lawan kata adjektif kabur, kata lazim lawan istilah/jargon dan kata asli lawan kata pinjaman (tentang konsep setiap satu itu, lihat Bab 1, 1.8). Penetapan unsur-unsur leksikal itu dilakukan oleh pengkaji sendiri, dengan berasaskan prinsip-prinsip umum retorik penulisan kewartawanan yang telah dibincangkan dalam Bab 3, dan disesuaikan dengan data yang terdapat dalam sampel. Hal ini dilakukan supaya hasil kajian ini berorientasikan data, bukan penerapan prinsip secara deduktif. Hasil analisis data untuk aras leksikal dikemukakan dalam Bab 4.

Pada aras sintaksis, analisis ditumpukan pada dua kategori, iaitu ayat yang berkesan dan kompleksiti ayat. Kategori yang pertama berkaitan dengan kejituan ayat sebagai wadah maklumat, dengan mengambil tiga ciri utamanya, iaitu kesatuan gagasan, kepaduan dan kenalaran (logika). Kategori kedua berkaitan dengan binaan ayat yang mempengaruhi kejelasan maklumat. Kedua-dua kategori itu dilihat sebagai satu kesatuan antara bentuk dengan makna, iaitu sesuai dengan konsep bahasa yang dikemukakan oleh tokoh linguistik moden Ferdinand de Saussure. Seperti pada aras leksikal, penetapan kategori sintaksis sebagai asas analisis data pun ditetapkan oleh pengkaji sendiri dengan asas-asas umumnya

didasarkan pada retorik penulisan kewartawanan yang telah dibincangkan dalam Bab 3. Hasil analisis pada aras sintaksis telah dikemukakan dalam Bab 5.

Akhirnya, pada aras wacana, pengkaji telah memilih aspek judul berita dan pendulu berita untuk dianalisis. Judul berita dianalisis berasaskan sama ada judul itu dipersembahkan dalam bentuk tradisional atau bentuk alternatif. Pendulu berita pula dianalisis dari sudut kepanjangan ayat dan unsur-unsur keutamaan yang ditonjolkan dalam pendulu itu. Hasil analisis itu memperlihatkan pola kecenderungan wacana berita yang diamalkan oleh akhbar berkenaan dalam pemilihan teknik retoriknya. Hasil analisis pada aras wacana dikemukakan dalam Bab 6.

Bagi semua aras, iaitu leksikal, sintaksis dan wacana, analisis dibuat pada dua peringkat, iaitu analisis menurut tahun demi tahun dan analisis dekad demi dekad. Tujuannya ialah supaya dapat diperhatikan pola perkembangan atau evolusi retorik penulisan kewartawanan akhbar berkenaan dari waktu ke waktu.

7.3 Rumusan Dapatan Kajian

7.3.1 Penggunaan Kata

Analisis dari tahun ke tahun menunjukkan bahawa akhbar *Berita Harian* mencapai kekerapan yang tinggi dalam hal kemantapan dan keberkesanan penggunaan kata. Ringkasan hasil analisis yang telah dikemukakan dalam Bab 4 menunjukkan bahawa, dalam semua aspek leksikal yang diberi tumpuan, amat tinggi peratus penggunaan kata yang memenuhi kekuatan retorik penulisan kewartawanan, iaitu:

1. 100% kata yang digunakan dalam akhbar *Berita Harian* pada 26 tahun daripada 43 tahun yang dikaji (pada tahun 1962, 1965, 1966, 1967, 1968, 1969, 1970, 1971,

1973, 1974, 1977, 1978, 1981, 1983, 1984, 1986, 1987, 1988, 1989, 1990, 1991, 1993, 1994, 1995, 1996, 1997, 1998, dan 1999, iaitu 28 tahun) terdiri daripada kata yang konkrit, iaitu tidak abstrak, lazim dan tidak lewah. Tahun yang menunjukkan penggunaan kata konkrit yang paling rendah sekalipun (tahun 1957) mencapai 98.5%, iaitu hanya 1.5% sahaja terdapatnya kata yang abstrak.

2. 100% kata yang digunakan pada 41 daripada 43 tahun yang dikaji terdiri daripada kata yang neutral sebagai lawan kata emotif. Hanya pada tahun 1963 dan 1965 terdapat penggunaan kata emotif, dan kekerapannya pun amat rendah (0.4%) bagi kedua-dua tahun itu.
3. 100% kata yang digunakan pada 41 daripada 43 tahun yang dikaji terdiri daripada kata adjektif yang khusus maknanya sebagai lawan kata adjektif yang kabur maknanya. Hanya pada 2 tahun, iaitu 1969 dan 1981 sahaja terdapat penggunaan kata adjektif yang kabur maknanya dan kekerapannya pun amat rendah, iaitu masing-masing 0.4% dan 0.3%.
4. Antara 94% hingga 100% pada semua 43 tahun yang dikaji, kata yang dikaji terdiri daripada kata yang lazim sebagai lawan istilah atau jargon. Penggunaan istilah/jargon yang tertinggi hanya 6%, iaitu pada tahun 1995.
5. Antara 89.5% hingga 100% pada semua 43 tahun yang dikaji, kata yang digunakan merupakan kata jati bahasa Melayu berbanding dengan kata pinjaman. Penggunaan kata pinjaman yang tertinggi hanya 10.5%, iaitu pada tahun 1960. Pada kebanyakan tahun, jumlah kata pinjaman dalam sampel yang dikaji adalah di bawah 5% sahaja.
6. Pada 34 tahun daripada 43 tahun yang dikaji (1962, 1963, 1964, 1965, 1966, 1967, 1968, 1970, 1972, 1974, 1975, 1976, 1977, 1978, 1979, 1980, 1981, 1982, 1983, 1984, 1985, 1986, 1987, 1988, 1989, 1991, 1992, 1993, 1994, 1995, 1996, 1997, 1998, 1999), kata yang digunakan memenuhi bentuk yang baku dan hanya pada 9

tahun sahaja (1957, 1958, 1959, 1960, 1961, 1969, 1971, 1973, 1990) terdapat penggunaan kata yang rancu atau tidak gramatis dan jumlahnya di bawah 2.5% sahaja.

7. Penggunaan rangkai kata yang umum mencapai antara 97.7% hingga 100% berbanding dengan ungkapan pada semua 43 tahun yang dikaji. Penggunaan ungkapan yang sama ada merupakan simpulan bahasa, perumpaman, atau kiasan amat rendah kekerapannya dan setakat data yang diperhatikan, tidak ada ungkapan yang menimbulkan kesulitan pemahaman.

Analisis dari dekad ke dekad pula menunjukkan dapatan yang berikut:

1. Pada dekad 50-an, kekerapan penggunaan kata yang mantap dari segi retorik penulisan kewartawanan amat tinggi, iaitu 97.1% kata yang digunakan merupakan kata yang konkrit, 100% kata yang neutral, 100% kata adjektif yang bermakna khusus, 98.7 kata umum, 81.7% kata asal dalam bahasa Melayu, 98.4% kata yang gramatis dan 99.7% kata atau rangkai kata yang bukan ungkapan.
2. Pada dekad 60-an, kekerapan penggunaan kata yang mantap pada aspek tertentu yang dikaji tetap tinggi, iaitu 97.7% kata yang digunakan ialah kata yang konkrit maknanya, 99.2% kata yang neutral, 99.6% kata adjektif yang khusus maknanya, dan 95.7% kata yang gramatis. Bagaimanapun, terdapat penurunan dalam aspek kata umum (75%) berbanding dengan peningkatan penggunaan istilah/jargon (25%) dan kata asal bahasa Melayu (64.8%) berbanding dengan kata pinjaman (35.2%). Walau bagaimanapun, penggunaan istilah/jargon dan kata pinjaman yang meningkat dengan nyata itu tidak menjejaskan kejelasan maklumat yang disampaikan kerana penggunaan istilah/jargon dan kata pinjaman itu merupakan fenomena lazim bagi bahasa yang sedang berkembang.

3. Pada dekad 70-an, kemantapan retorik penulisan kewartawanan masih bertahan dan peningkatan peratusan penggunaan istilah/jargon dan kata pinjaman walaupun ada tidak setinggi pada dekad 60-an. Kata yang konkrit maknanya berada pada tahap 97.9%, kata yang neutral 100%, kata adjektif yang khusus maknanya 100%, kata yang gramatis binaan atau bentuknya 99.1% dan kata atau rangkai kata bukan ungkapan 98.2%. Penggunaan kata yang umum masih pada tahap yang tinggi, iaitu 88.8% (peningkatan penggunaan istilah menjadi 11.2%) dan kata asal bahasa Melayu pada tahap 89.4% (peningkatan penggunaan kata pinjaman menjadi 10.6%).
4. Pada dekad 80-an, retorik penulisan kewartawanan *Berita Harian* masih utuh, walaupun terdapat perbezaan peratusan pada aspek tertentu. Kata yang konkrit maknanya masih pada tahap 99.1%, kata yang neutral 100%, kata adjektif yang khusus maknanya 99.7%, kata umum 87.8% (istilah/jargon 12.2%), kata asal bahasa Melayu 72.8% (kata pinjaman 27.2%), kata yang gramatis 100% dan kata atau rangkai kata biasa yang bukan ungkapan 92.1%. Peningkatan yang agak ketara ialah dalam penggunaan kata pinjaman, tetapi sebagaimana yang dijelaskan di atas, fenomena tersebut menunjukkan perkembangan bahasa Melayu dalam pengambilan konsep-konsep dari budaya luar, khususnya Barat melalui bahasa Inggeris.
5. Pada dekad 90-an, kemantapan retorik penulisan kewartawanan akhbar yang dikaji masih utuh, walaupun peningkatan pada aspek tertentu, khususnya istilah/jargon dan kata pinjaman begitu ketara. Kata yang konkrit maknanya berada pada tahap 99.7%, kata yang neutral 100%, kata adjektif yang khusus maknanya 100%, kata umum turun menjadi 57.6% (berbanding dengan istilah/jargon 42.4%), kata asal bahasa Melayu turun dengan amat ketara menjadi 27.8% (berbanding dengan 72.2% kata pinjaman), 99.3% kata yang gramatis dan 98% kata atau rangkai kata biasa yang bukan ungkapan.

7.3.2 Penggunaan Ayat

Analisis dari tahun ke tahun tentang penggunaan ayat dalam akhbar yang dikaji, iaitu seperti yang dikemukakan dalam Bab 5 menghasilkan rumusan yang dapat dinyatakan seperti yang berikut:

1. Sebahagian besar tahun yang sampelnya dikaji menunjukkan bahawa ayat dalam akhbar yang dikaji memenuhi ciri kesatuan gagasan sehingga tahap 100%. Sedikit kelemahan pada aspek kesatuan gagasan hanya dapat dikesan pada tahun 1958 (90.9%), 1960 (91.7%), 1961 (83.3%), dan 1976 (91.7%).
2. Ciri kepaduan ayat pun jelas dipenuhi pada sebahagian besar sampel dan mencapai tahap 100%. Sedikit kelemahan hanya terdapat pada sampel tahun 1958 (90.9%), 1960 (72.7%), 1961 (91.7%), 1964 (91.7%), 1967 (90.9%).
3. 100% ayat yang dikaji dalam sampel pada semua tahun (1957 – 1999) memenuhi ciri kenalaran atau logika, iaitu tiada sama sekali ayat yang mempunyai pertentangan fakta atau maklumat di dalamnya.
4. Pada semua sampel dari tahun 1957 hingga tahun 1999, jelas bahawa ayat yang digunakan untuk menyampaikan maklumat ialah ayat majmuk dan amat minimum dikesan penggunaan ayat tunggal. Antara 80% hingga 100% sampel terdiri daripada ayat majmuk, kecuali pada tahun 1987 hanya 75%.

Menurut analisis dari dekad ke dekad pula, rumusan yang diperoleh ialah:

1. Dekad 50-an menunjukkan keberkesanan retorik pada aspek sintaksis, iaitu unsur ayat, dengan 97% ayatnya mempunyai kesatuan gagasan, 97% mempunyai kepaduan, dan 100% memenuhi ciri kenalaran. Dari sudut kompleksiti ayat, walaupun 91.4% ayatnya merupakan ayat majmuk, tidak

terjejas keutuhannya kerana kesemuanya merupakan ayat majmuk yang memenuhi ciri ayat berkesan.

2. Dekad 60-an pun menunjukkan kekuatan retorik dari segi sintaksis kerana 97.5% ayatnya mempunyai kesatuan gagasan, 94.1% mempunyai kepaduan dan 100% memenuhi ciri kenalaran. Kesemuanya itu memenuhi ciri ayat yang berkesan. Disebabkan ciri ayat yang berkesan dipenuhi, maka sekalipun dari segi binaannya 87.4% ayatnya terdiri daripada ayat majmuk, tidak terjejas retoriknya.
3. Dekad 70-an melanjutkan pola dapatan yang sama, iaitu peratusan yang tinggi dalam ciri kesatuan gagasan (99.2%), kepaduan (99.2%) dan kenalaran (100%). Dari segi binaannya, 96.3% ayat yang digunakan terdiri daripada ayat majmuk.
4. Dekad 80-an menunjukkan peningkatan apabila 100% ayat dalam sampel bagi dekad ini merupakan ayat yang berkesatuan gagasan, memiliki kepaduan dan kenalaran. Binaan ayatnya pula 95% ialah ayat majmuk.
5. Dekad 90-an mencapai puncak kekuatan retorik dari segi ayat apabila semua unsur sintaksis yang dikaji mencapai 100% dalam sampel yang dikaji.

7.3.3 Pendulu sebagai Bahagian Wacana

Dalam kajian ini, analisis pada aras wacana hanya ditumpukan pada pendulu berita, iaitu bahagian yang dianggap terpenting dalam binaan wacana berita kerana dalam bahagian itulah terkandung maklumat penting sesuatu berita, sama ada sebahagian atau semua unsur yang dikenal sebagai 5W + 1H (siapa, apa, bila, di mana, mengapa, bagaimana). Aspek pertama yang dianalisis ialah kepanjangan pendulu, iaitu yang berjumlah 35 patah kata atau kurang dan yang lebih daripada itu. Kepanjangan ayat pendulu berita yang baik didasarkan oleh ahli-ahli jurnalisme pada had 35 patah kata,

dan ayat yang melebihi had itu dianggap menjadi kabur dan tidak memenuhi ciri ketepatan, keringkasan dan kepadatan. Aspek kedua yang dikaji ialah unsur-unsur yang ditonjolkan dalam pendulu berita, iaitu gabungan beberapa unsur dalam 5W + 1H.

Dapatan analisis menunjukkan bahawa:

1. Sebahagian besar sampel, iaitu 39 daripada sepanjang 43 tahun yang dikaji (1957 – 1999) menunjukkan bahawa kepanjangan ayat pendulu kurang daripada 35 patah kata. Hanya pada empat tahun sahaja terdapat ayat pendulu berita yang melebihi 35 patah kata, iaitu tahun 1957 (16.7%), 1960 (25%), 1976 (8.3%) dan 1977 (8.3%).
2. Semua pendulu yang dianalisis hanya terdiri daripada gabungan dua atau lebih Unsur 5W +1H, tetapi tiada sama sekali pendulu berita yang menggabungkan kesemua enam unsur itu. Hal ini menunjukkan bahawa pendulu berita akhbar yang dikaji dihasilkan berdasarkan prinsip penonjolan unsur yang terpilih yang dianggap terpenting.
3. Antara dua unsur utama yang diberi keutamaan, iaitu antara unsur *siapa* dan unsur *apa*, didapati bahawa pendulu akhbar yang dikaji mengutamakan unsur *siapa*. Sepanjang lima dekad, iaitu dekad 1950-an, dekad 1960-an, dekad 1970-an, dekad 1980-an dan dekad 1990-an, lebih 70% pendulu mengutamakan unsur *siapa* (lihat Jadual 6.6 dalam Bab 6). Sebagaimana yang telah disebut dalam Bab 6, pemilihan keutamaan itu selaras dengan kaedah atau strategi pembentukan pendulu berita yang berasaskan adanya pelaku yang melakukan sesuatu tindakan untuk menyebabkan terjadinya peristiwa (unsur *apa*).

7.4 Signifikan dan Sumbangan Kajian

Seperti yang disebut dalam Bab 1, kajian ini bertujuan memaparkan perkembangan laras bahasa dan retorik penulisan kewartawanan Melayu, dengan mengambil akhbar *Berita Harian* sebagai sampel kajian. Sebagai bahasa yang sudah masuk ke era bahasa moden, bahasa Melayu sewajarnya memiliki pelbagai laras bahasa yang mantap yang mewakili pelbagai ranah atau domain kehidupan moden. Penulisan kewartawanan merupakan salah satu laras bahasa yang penting dalam kehidupan tamadun moden. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat menunjukkan kemampuan bahasa Melayu menjadi wahana atau alat salah bidang komunikasi yang penting, iaitu berita.

Selain signifikan dan sumbangan kajian dari segi pemaparan evolusi jurnalisme Melayu di Malaysia dari sudut bahasa (retorik), dapat dilihat juga signifikan dan sumbangan kajian dari segi pemantapan prinsip dan kaedah penulisan kewartawanan dalam bahasa Melayu. Dengan berasaskan pengubahsuaian daripada prinsip dan kaedah penulisan kewartawanan yang sejagat sifatnya, sebagaimana yang dinyatakan dalam pelbagai bahan persuratan tentang kewartawanan dalam bahasa-bahasa lain, dapat disusun prinsip dan kaedah penulisan kewartawanan Melayu yang lebih kemas kini.

Selain itu, hasil analisis yang dikemukakan dalam kajian ini dapat juga dijadikan bahan untuk penataran kepada jurnalis, khususnya yang baru menceburkan diri dalam bidang kewartawanan bagi memastikan mereka menguasai prinsip dan kaedah penulisan kewartawanan yang baik dan berkesan.

Seterusnya, analisis kajian ini dapat juga menambah persuratan kajian tentang retorik Melayu yang masih dirasakan agak terhad dan khusus bagi bidang

kewartawanan, kajian ini dapat meyakinkan kekuatan bahasa Melayu dalam melaksanakan peranannya sebagai bahasa moden yang berkesan.

7.5 Kajian Lanjut

Diharapkan dapat dilaksanakan kajian lanjut yang lebih mikro sifatnya untuk mengkaji aspek retorik secara lebih terperinci bagi akhbar-akhbar Melayu di negara ini supaya dapat dikemukakan satu gambaran perkembangan dan kekuatan retorik kewartawanan dalam bahasa Melayu. Antara yang penting dan menarik termasuklah kajian hubungan antara pola retorik akhbar Melayu dengan realiti politik, social, ekonomi, kebudayaan, agama dan aspek-aspek lain kehidupan masyarakat sesuai dengan hakikat bahasa sebagai pancaran pemikiran dan kebudayaan, seperti yang terdapat dalam teori relativisme bahasa anjuran tokoh seperti Sapir dan Whorf.